

Kaji keperluan tambah helikopter

Kuala Nerus: Kerajaan mengkaji keperluan menambah helikopter untuk kegunaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) khususnya ketika bencana.


Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad berkata, penilaian untuk menambah aset itu dilakukan selepas mesyuarat peringkat tertinggi diadakan minggu lalu yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Katanya, JBPM kini memiliki lapan helikopter untuk kegunaan operasi di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

"Jumlah aset sedia ada tidak mencukupi, kami juga mengkaji pangkalan udara untuk menempatkan helikopter terbabit supaya gerakan (menyelamat) lebih lancar dan masa tindak balas lebih cepat.

"Selain itu, kami merasionalisasi semula peralatan penyelamat supaya lebih versatil dan pelbagai guna seperti helikopter terbabit bukan saja boleh digunakan ketika banjir, tapi bencana lain seperti kebakaran hutan.

"Kami tidak boleh berpuas hati dengan aset yang ada hari ini (sekarang) dan helikopter antara yang mungkin ditambah. Malah aset ini (helikopter) bukan saja untuk kegunaan bom-



RAJA Kamarul Bahrin Shah

ba, tapi juga agensi penyelamat lain," katanya pada Majlis Malam Apresiasi Usahawan Melayu Terengganu (Mapumt) di sini, kelmarin.

Sementara itu, beliau memaklumkan, JBPM bersedia menghantar aset dari

negeri di pantai barat untuk meningkatkan keupayaan logistik dan masa tindak balas menghadapi banjir gelombang kedua di Terengganu dan Kelantan dijangka akhir bulan ini.

Menurutnya, lebih banyak jentera seperti lori lima tan diperlukan bagi melancarkan operasi ketika banjir.

"Aset yang ada tidak mencukupi, kami membuat perkiraan memindahkan aset dari Selangor dan Perak.

"Namun kami perlu membuat ramalan tepat kerana banjir kini melanda Johor dan gelombang seterusnya dijangka berulang Terengganu dan Kelantan," katanya.